

Mesyuarat MT dua kali sebulan

UM 20 DEC 1999

KUALA LUMPUR 19 Dis. — Mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) UMNO akan diadakan dua kali sebulan berkuat kuasa minggu ini berbanding sekali dalam tempoh sama sebelum ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, banyak perkara yang tidak sempat disentuh dalam mesyuarat sebelum ini dapat dibincangkan dalam mesyuarat kali ini.

“Kita biasanya adakan mesyuarat sebulan sekali (tetapi) memandangkan kita mempunyai banyak perkara tidak dibincangkan semasa mesyuarat MT (sebulan sekali), kita berpendapat ada baiknya mesyuarat lebih kerap,” katanya.

Majoriti

Beliau yang juga Presiden UMNO berkata demikian selepas mempengerusikan mesyuarat MT selama tiga setengah jam di Menara Datuk Onn di sini petang ini.

Mesyuarat hari ini adalah yang pertama selepas Barisan Nasional (BN) memperoleh lebih majoriti dua pertiga pada pilihan raya umum lalu.

Mengulas mengenai ta-

rih pemilihan agung UMNO 2000, Dr. Mahathir berkata, mesyuarat hari ini bersetuju menunda perbincangan untuk menentukan tarikh berkenaan.

“Sepatutnya ditentukan hari ini tetapi kita putuskan untuk tangguhkannya,” katanya.

“Keseluruhan belanjawan akan dibahaskan pada bulan Februari,” katanya.

Mengenai dakwaan yang diulangi Australia bahawa negara itu adalah kuasa pengaman di Asia,

Pemilihan UMNO sepatutnya diadakan pada Jun tahun ini tetapi MT menainggukannya sehingga selepas pilihan raya umum 29 November lalu.

Penangguhan

Perlembagaan parti membenarkan penangguhan selama 18 bulan itu

Perdana Menteri berkata: “Kalau mereka mahu kuasa pengaman, mereka boleh berbuat demikian

dari tarikh perhimpunan agung bagi pemilihan MT, yang diadakan tiga tahun sekali.

Dalam pada itu ditanya mengenai belanjawan 2000, Dr. Mahathir berkata, pembentangan Belanjawan esok hanya akan menetapkan peruntukan untuk tiga bulan pertama.

asalkan tidak mengganggu keamanan di Malaysia.

“Malaysia boleh menjaga diri sendiri,” ujarnya.